

12 DEC 1998

Pinjaman-Longgar

PINJAMAN PERUMAHAN DILONGGARKAN SEMASA KEMPEN MEMILIKI RUMAH

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Kakitangan awam berjawatan tetap kini layak mendapat pinjaman perumahan walaupun belum disahkan ke dalam jawatan dalam tempoh kempen memiliki rumah selama sebulan yang dilancarkan hari ini.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata langkah itu bertujuan merangsangkan pertumbuhan sektor perumahan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mencergaskan semula ekonomi.

"Kerajaan telah buat keputusan bahawa pegawai kerajaan yang bekerja setahun layak untuk memohon pinjaman perumahan kerajaan, tidak payah disahkan (ke dalam jawatan) tetapi berjawatan tetap," katanya pada satu persidangan berita selepas pelancaran Kempen Memiliki Rumah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Beliau berkata kerajaan akan mengeluarkan satu pekeliling sebagai penjelasan lanjut mengenai langkah itu kepada semua jabatan dan agensi kerajaan.

Bagaimanapun, katanya kelonggaran itu hanya dibolehkan dalam tempoh kempen iaitu sehingga 12 Jan depan.

Mustapa berkata dengan langkah itu, kira-kira 20,000 pegawai kerajaan terdiri daripada guru, jururawat, pegawai perubatan, anggota tentera dan polis layak memohon pinjaman perumahan.

Sebelum ini, hanya pegawai kerajaan yang bekerja selama lima tahun, berjawatan tetap dan disahkan ke dalam jawatan layak dibenarkan memohon pinjaman perumahan kerajaan.

Mustapa berkata langkah itu merupakan sebahagian daripada insentif kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki rumah khususnya dalam tempoh kempen memiliki rumah yang diusahakan kerajaan dengan kerjasama Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia serta Persatuan Bank-bank dan Syarikat Kewangan Malaysia.

Kira-kira 260 pemaju perumahan dengan lebih 23,000 unit rumah yang bernilai RM4.2 bilion akan ditawarkan untuk jualan semasa kempen itu.

-- BERNAMA

MR HS NAK